

17/09/2003

Nik Aziz minta Pusat ikhlas bantu

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan sikap bersyukur seperti diminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai unsur politik meraih sokongan untuk Umno.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu perkara berkaitan pemberian atau projek kerajaan untuk rakyat dikaitkan dengan kepentingan politik dan parti, sebaliknya perlu ikhlas dan bersyukur kepada Allah.

Beliau berkata, Kelantan sebagai negeri dalam Persekutuan yang mengamalkan demokrasi sentiasa bersyukur terhadap pemberian dan projek termasuk disalurkan Kerajaan Pusat.

"Projek dia (Kerajaan Pusat) dan kita (kerajaan negeri) syukur. Adakah bererti bila kita terima projek ini, kita tidak bersyukur.

"Syukur dimaksudkan pemimpin politik, kalau saya orang Pas sebagai ketua parti, kalau saya ceramah depan orang kampung minta rakyat syukur... tentulah saya nak orang undi Pas.

"Begitu juga orang Umno, lebih lagi Presiden Umno (Dr Mahathir) bila dia nak supaya orang bersyukur erti dia nak orang itu undi Umno," katanya kepada pemberita selepas majlis kesyukuran kejayaan cemerlang Maahad Muhammadi (L) pada Forum Remaja dan Pasukan Kadet Polis 2003 di Kota Darulnaim di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri ketika berucap pada majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Kampung Tendong, Pasir Mas, yang disempurnakan Sultan Kelantan, berkata beliau berharap rakyat khususnya di Kelantan dan Terengganu, dua negeri yang dikuasai Pas, harus bersyukur dan menilai antara pihak yang sentiasa memenuhi janji dengan pihak yang hanya pandai membuat janji manis tetapi tidak mengkotakannya.